



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / PUKONSA / UPKJ / Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

Bil.	Pejabat Yang Memanggil Tender	Nombor Tender Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Tender
1.	JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	JPSWPKL/BPB/01/2021 RANCANGAN TEBATAN BANJIR UPPER SUNGAI KLANG – Kerja-Kerja Mendalamkan Kolam Takungan Banjir Berembang dan Kerja-Kerja Berkaitan, Pusat Kawalan SMART, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bumiputera/ T1	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred: G5 Kategori : CE Pengkhususan : CE06, CE21, CE30, CE36 & CE40	Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS WPKL, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur 20.04.2022 (Rabu) hingga 18.05.2022 (Rabu)	RM200.00 AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-KASA-T	Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS WPKL, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur 18.05.2022 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari
Lawatan Tapak / Taklimat Projek adalah **DIGALAKKAN . Berkumpul di Berkumpul di Lobi Pejabat, Pusat Kawalan SMART, Jalan Berembang, Off KM5 Jalan Ampang, 55000 Kuala Lumpur pada 18.04.2022 (Isnin), Jam 9.30 pagi							

Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun kontraktor **DIGALAKKAN** menghadiri sesi lawatan tapak / taklimat projek seperti di atas supaya kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender. Hanya **PENAMA** yang tercatat di dalam **Sijil PPK, SPKK, PUKONSA** atau **UPKJ** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. **Kontraktor / Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA** atau **UPKJ**.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat mulai 14.04.2022 (Khamis)

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draft bank daripada bank berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order) di atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-KASA-T**.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan)** berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

*Jenis Syarikat :

T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan

A1 - Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara tempatan

A2 - Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan